

PM berbuka puasa bersama rakyat di Paroi esok
Utusan Online
1 Ogos, 2012

SEREMBAN 1 Ogos - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di Masjid At-Taqwa, Paroi dekat sini esok.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan berkata, kehadiran pemimpin negara itu akan disambut lebih 10,000 rakyat di masjid berkenaan, kira-kira pukul 6 petang esok.

``Pada majlis itu Perdana Menteri akan menyampaikan sumbangan kepada fakir miskin, berbuka puasa dan solat tarawih bersama rakyat di masjid berkenaan," katanya di sini hari ini. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20120801/dn_34/PM-berbuka-puasa-bersama-rakyat-di-Paroi-esok